

ULASAN BUKU



RAZINAH SHARIF, NOR FADILAH RAJAB,
MALISANURHIDAYU YAACOB
Kelulut Antioksidan dan Tekanan Oksidatif
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2020.
ISBN 9789672510437

ULASAN

Buku bertajuk '*Kelulut Antioksidan dan Tekanan Oksidatif*' ini dikarang oleh tiga orang pengarang iaitu Dr. Razinah Sharif dan Dr. Nor Fadilah Rajab merupakan pensyarah dan kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Malisanurhidayu Yaacob seorang pelajar sarjana sains kesihatan. Buku yang mengandungi sebanyak tujuh bab yang dikarang secara khusus untuk memperihalkan madu kelulut dan khasiatnya dalam bidang perubatan terutama berkenaan tekanan oksidatif dan kerosakan DNA. Kerosakan DNA ini sekiranya tidak dikawal akan menjurus kepada pelbagai penyakit degeneratif. Serangga kelulut merupakan spesies lebah yang lebih kecil daripada lebah madu. Kelulut menghasilkan madu yang mempunyai rasa yang masam dari madu biasa. Namun, madu kelulut mempunyai kelebihan lain sesuai untuk bidang kesihatan manusia jika diamalkan.

Buku ini mengandungi ilustrasi berwarna untuk menjelaskan kandungan yang ingin disampaikan. Gaya dan garapan penulis dalam menerangkan isi kandungan buku ini adalah santai dan mudah difahami oleh semua golongan walaupun terdapat istilah dan fakta sains yang digunakan. Buku ini wajar dipertimbangkan sebagai salah satu sumber rujukan kepada para pelajar dan pengusaha madu kelulut yang berhasrat mengetahui secara mendalam

mengenai lebah kelulut dan khasiatnya dari sudut perubatan. Buku yang dikarang berdasarkan kajian saintifik ini memberi nilai tambah yang sangat signifikan kepada masyarakat terhadap khasiat madu lebah.

Bab pertama menerangkan serba sedikit berkaitan dengan sejarah dan khasiat madu lebah sebagaimana yang telah dijelaskan dalam al-Quran lebih daripada 1,400 tahun. Madu mempunyai pelbagai jenis mineral, vitamin, asid amino dan antioksidan yang amat sesuai untuk proses penyembuhan penyakit. Penghasilan madu secara umumnya dihasilkan oleh serangga yang dikenali sebagai lebah. Terdapat pelbagai jenis lebah yang telah dikenalpasti di seluruh dunia dan secara khasnya di Malaysia jenis lebah yang biasa ditemui adalah lebah Tualang, lebah Hutan, lebah Cerung atau Cerang dan lebah Kelulut.

Bab kedua pula menerangkan secara mendalam berkaitan dengan madu dan khasiat perubatan. Bab ini menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan madu. Madu merupakan cecair yang pekat dan manis yang dihasilkan oleh lebah di mana dalam sarang madu mengandungi 60% kandungan gula, 20% air, 10% surkosa, 1% bendasing dan sedikit keadaan berasid. Madu amat berkhasiat dalam bidang perubatan sebagai penyembuhan beberapa penyakit seperti antimicrob, anti radang, penggalak gerak balas imun, membantu proses pembaikan DNA, jangkitan usus dan penyakit kardiovaskular. Dalam bab ini juga ada menerangkan mitos yang dikaitkan dengan madu iaitu madu dan sudu besi, madu lebih baik daripada gula, madu sebagai penawar sakit kerongkong, madu tidak mempunyai jangka hayat serta madu tulen dan madu tiruan.

Bab ketiga pula pembaca disajikan dengan pengenalan bagi lebah kelulut. Pembaca akan memahami dan mengenali serangga yang dikenali sebagai Kelulut. Kelulut merupakan spesies lebah kecil yang menjadi agen penting dalam proses pendebungaan di kawasan tropika, subtropika dan kawasan lain. Kelulut mempunyai tiga saiz yang berbeza iaitu kecil (0.2-0.5cm), sederhana (0.5-0.7cm) dan besar (0.7-1.0cm). Madu yang dihasilkan oleh Kelulut mempunyai komposisi sama dengan madu lain namun, terdapat perbezaan iaitu madu kelulut mempunyai tujuh jenis bahan fenolik bebas yang sesuai sebagai antioksidan

badan manusia yang sering digunakan untuk anti-radang, anti-kanser dan anti-mikrob.

Bab keempat memperincikan khasiat madu kelulut sebagai antioksidan, sementara bab kelima memperihalkan mengenai tekanan oksidatif secara terperinci. Dalam bab enam buku ini pula menjelaskan khasiat propolis selain madu yang baik untuk antioksidan. Pembaca akan lebih memahami fungsi dan khasiat madu kelulut secara mendalam apabila melanjutkan pembacaan tentang khasiat propolis yang terkandung dalam bab keenam buku ini. Rajah dan jadual turut disertakan pada setiap bab bagi menambah pemahaman para pembaca. Bab tujuh merupakan penutup bagi buku ini penulis menerangkan misi dan visi penyelidikan kelulut di Malaysia di mana kerajaan melalui MARDI menyediakan Pakej Teknologi Penternakan Kelulut kepada pengusaha yang berminat untuk menternak kelulut sebagai perniagaan. Penyelidikan kelulut menjadi agenda negara pada tahun 2020 dengan mewujudkan inisiatif seperti Jawatankuasa Penyelidikan Pelan Pembangunan Industri Kelulut Negara 2020-2030.

Pengulas


Dr. Adam Zulkarnain bin Saleng

Penolong Pengarah

Bahagian Penyelidikan (BPP)

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



MASNE KADAR, NOR AFIFI RAZAOB@RAZAB
Kecelaruan Spektrum Autisme
Bangi: Penerbit Universiti kebangsaan Malaysia,
2020.
ISBN 9789672388647

ULASAN

Buku ini mengandungi lima (5) bab yang dihasilkan berdasarkan rujukan ilmiah dan hasil kajian yang diterbitkan berkaitan dengan kondisi kecelaruan spektrum autisme di bawah kod penyelidikan NN-102-2010 dan dana DBP-2020-290. Buku ini bertujuan untuk memberi pemahaman asas kepada ibu bapa, penjaga dan masyarakat umum terhadap kondisi kecelaruan spektrum autisme, memahami ciri-ciri yang ditunjukkan dan juga memahami tindakan dan tingkah laku autisme melalui pemerhatian dan penilaian mendalam serta terperinci yang dilakukan oleh pakar-pakar perubatan yang berkaitan. Kecelaruan spektrum autisme atau autisme adalah gangguan perkembangan neurologi yang menjejaskan keupayaan dalam komunikasi, interaksi sosial, tingkah laku dan tindak balas terhadap rangsangan sensori.

Di dalam bab pertama, penulis menceritakan sejarah permulaan kecelaruan spektrum ini dikenal pasti. Istilah *Autism* telah diperkenalkan oleh Dr. Leo Kanner seorang pakar psikiatri yang bertugas di John Hopkin University, Amerika Syarikat. Autism merupakan istilah yang berasal dari perkataan Greek iaitu *Autos* membawa maksud 'bersendirian' atau 'sendirian'. Kondisi kecelaruan spektrum autisme ini telah mula dikaji semenjak kurun ke-19, malahan mungkin

lebih awal lagi daripada itu. Kajian-kajian awal oleh pakar hanya melalui pemerhatian dan penilaian ke atas faktor yang menjadi penyumbang kepada penyebab berlakunya kondisi ini dan ciri-ciri yang ditunjukkan oleh penghidapnya. Kecelaruhan spektrum autisme ini dikelaskan kepada tiga (3) tahap iaitu:

1. Tahap pertama: Memerlukan sedikit sokongan dan bantuan dalam aspek komunikasi dan interaksi sosial serta tingkah laku.
2. Tahap kedua: Memerlukan banyak sokongan dan bantuan dalam aspek komunikasi dan interaksi sosial serta tingkah laku.
3. Tahap ketiga: Memerlukan sangat banyak sokongan dan bantuan dalam aspek komunikasi dan interaksi sosial serta tingkah laku.

Namun begitu, masih banyak kajian dijalankan bagi mencari kaedah dan pendekatan yang berkesan dalam membantu individu yang mengalami kecelaruhan spektrum autisme ini berdikari dan berfungsi secara berkesan dalam kehidupan seharian dan bersosial dengan masyarakat dengan baik. Pemahaman mengenai ciri yang ditunjukkan oleh individu yang mengalami kecelaruhan spektrum autisme ini dapat membantu pengkaji-pengkaji untuk merangka dan menyediakan intervensi dan rawatan yang sesuai dan berkesan untuk mereka.

Ciri Kecelaruhan Spektrum Autisme di dalam bab kedua merupakan perkara yang perlu dititik berat oleh pembaca untuk lebih mengenali perihal kecelaruhan spektrum autisme. Berdasarkan buku *Manual Diagnostik dan Statistik Kecelaruhan Mental*, Edisi Ke-5 (DSM) mengelaskan dua (2) ciri teras iaitu:

1. Gangguan atau kekurangupayaan dalam interaksi sosial dan komunikasi sosial.
2. Tingkah laku, minat dan/atau aktiviti yang terhad dan perlakuan yang berulang-ulang, termasuk respon deria sensori yang celaru.

Kedua-dua ciri ini mestilah wujud dan dapat diperhatikan seawal usia bayi lagi. Namun begitu, kecelaruhan spektrum autisme mungkin tidak begitu ketara ketika usia individu tersebut masih bayi sehinggalah telah mencapai usia lebih matang atau dapat dikenal pasti setelah memasuki alam persekolahan. Oleh yang demikian, ibu bapa perlu memainkan peranan dalam melakukan pemerhatian awal dan seterusnya mendapatkan pemeriksaan lanjut oleh pakar perubatan.

Masalah neurologi dalam perkembangan otak, kecelaruan struktur dan saraf otak, perbezaan saiz dan kadar perkembangan otak, kecelaruan bekalan dan peredaran darah di otak dan kecelaruan tindak balas kimia di otak merupakan faktor-faktor risiko kecelaruan spektrum autisme. Bab ketiga buku ini menghuraikan dengan lebih lanjut faktor kemungkinan yang menjadi penyebab kepada keadaan ini berlaku. Namun beberapa faktor lain seperti mutasi genetik dan persekitaran juga dipercayai boleh menyumbang kepada kondisi ini.

Bab keempat pula menerangkan kaedah pengesanan awal kecelaruan spektrum autisme. Pengesanan awal adalah amat penting bagi membolehkan intervensi awal dapat dijalankan dengan berkesan. Kondisi gangguan kecelaruan spektrum autisme berbeza-beza antara satu individu dengan individu yang lain. Kepekaan ibu bapa terhadap kelainan yang ditunjukkan oleh anak mereka dan juga tindakan cepat membawa dan melaksanakan ujian saringan dan pengesanan awal amat penting dan mungkin boleh mengurangkan kekurangupayaan atau kesukaran individu yang mengalami kondisi ini. Secara tidak langsung dapat meminimalkan kesan dan cabaran terhadap keluarga.

Kesukaran yang dihadapi, terapi dan intervensi awal individu dengan kecelaruan merupakan tajuk yang dibincangkan oleh penulis dalam bab kelima. Individu yang mengalami kecelaruan spektrum autisme pada asasnya menunjukkan ciri-ciri teras yang serupa. Namun tahap kesukaran yang dialami adalah berbeza-beza antara satu dengan yang lain. Walaupun risiko kondisi ini semakin difahami melalui kajian saintifik yang dijalankan, namun sehingga kini masih belum terdapat ubat khusus untuk kondisi tersebut. Pengesanan dan intervensi awal penting bagi mengurangkan atau meminimumkan kesan gangguan tersebut sama ada terhadap individu itu sendiri dan juga kesannya terhadap keluarganya.

Selaku pengulas, saya mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca khususnya ibu bapa yang mempunyai anak yang mengalami kecelaruan spektrum autisme. Penerangan yang menarik berserta ilustrasi bagi memudahkan pembaca memahami kondisi kecelaruan spektrum autisme dengan

lebih jelas. Kesimpulannya, buku ini sangat bermanfaat dan berguna untuk dibaca oleh semua individu yang ingin mendapatkan informasi jelas mengenai kecelaruan spektrum autisme secara khususnya dan sokongan yang boleh diberikan oleh masyarakat terhadap individu autisme secara umumnya.

Pengulas

Farah Aliza binti Abd Aziz

Penolong Pengarah

Bahagian Pengurusan Projek Digital (PMO)

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



AHMAD FIRDAUS MAHMUD, AIDIL RATNA
EDORRA SUHAIMIN
**Checkmate : 101 Soalan Yang Anda Perlu Tanya
Peguam Sebelum Beli Hartanah**
Shah Alam: Mastery Academy, 2019.
ISBN 9789671519851

ULASAN

Adakah anda berhadapan dengan pelbagai persoalan ketika melakukan sebarang transaksi jual beli hartanah? Sekiranya anda berhadapan dengan situasi tersebut, anda perlu mendapatkan buku ini. Lazimnya seseorang akan mendapatkan maklumat mengenai hartanah melalui carian maklumat di internet, rakan atau ahli keluarga. Namun, sumber maklumat atau khidmat nasihat yang paling sahih dan boleh dipercayai tentulah daripada pakar dalam bidang hartanah iaitu peguam atau perunding hartanah.

Justeru buku **Checkmate : 101 Soalan Yang Anda Perlu Tanya Peguam Sebelum Beli Hartanah** hasil karya Ahmad Firdaus Mahmud dan Aidil Ratna Edorra Suhaimin yang berpengalaman luas dalam bidang hartanah sebagai Peguam Hartanah dan Perunding Hartanah ini perlu dimiliki oleh setiap orang yang ingin mendalami ilmu proses jual beli hartanah di Malaysia. Penulis merakamkan pengalaman mereka dalam menjawab pelbagai persoalan yang sering menjadi perbincangan umum dalam transaksi jual beli hartanah. Buku ini mengandungi 15 bab atau persoalan utama yang perlu diketahui oleh seseorang pembeli sebelum membuat sebarang pembelian hartanah. Antara kandungan bab dalam buku ini adalah Peranan Peguam dalam Transaksi Jual Beli Hartanah, Cara Kiraan Yuran Guaman dan Duti Setem dan Kos-Kos yang Terlibat dalam Urusan Jual Beli Hartanah, Perjanjian Jual

Beli sehinggalah ke proses Pelepasan Gadaian. Setiap bab diberikan penerangan secara ringkas dan padat mengenai persoalan yang sering diutarakan oleh penjual atau pembeli hartanah. Penyampaian dan jawapan kepada setiap persoalan disertakan dengan contoh pengiraan seperti kos guaman yang perlu dibayar oleh setiap pembeli.

Pembaca secara pengenalannya diberikan pemahaman tentang peranan peguam dalam transaksi jual beli hartanah. Ini adalah untuk memberikan pendedahan bahawa setiap tugas peguam adalah berbeza mengikut bidang dan kepakaran. Ini kerana ramai yang beranggapan bahawa tugas peguam dalam jual beli hartanah adalah mudah dan *standard* dengan hanya melibatkan urusan penyediaan dokumen jual beli sahaja, namun tugas dan peranannya adalah lebih berat. Bab ini menyentuh tentang keperluan melantik peguam, peranan mereka dalam urusan transaksi jual beli, proses awal yang perlu dilakukan oleh peguam dan tips memilih peguam untuk dilantik. Ini penting bagi memastikan kelancaran sesuatu transaksi jual beli hartanah tersebut.

Bab 2 menjelaskan tentang cara kiraan yuran guaman dan duti setem, jenis-jenisnya dan kaedah pengiraan serta kos-kos yang terlibat dalam urusan jual beli hartanah. Contoh kaedah kiraan bagi kos guaman dan duti setem turut disediakan bagi memberikan pemahaman jelas kepada pembaca.

Sebelum sebarang transaksi jual beli dimeterai, amat penting bagi seseorang pembeli untuk memahami terlebih dahulu apa itu perjanjian jual beli. Perjanjian Jual Beli atau dikenali sebagai *Sales and Purchase Agreement* adalah dokumen perundangan yang dimeterai dengan terma-terma yang dipersetujui antara pembeli dan pemaju ataupun di antara penjual dan pembeli. Terma-terma tersebut perlu difahami bagi mengelakkan sebarang masalah yang akan timbul. Penjelasan lanjut berkenaan perjanjian jual beli terkandung dalam Bab 3.

Hak milik induk, hak milik strata dan penyempurnaan pindah milik merupakan *terms* yang sering didengari dan akan disentuh dalam Bab 4. Setiap *terms* tersebut akan diberikan penerangan secara ringkas dan mudah difahami oleh pembaca. Hak milik tanah merupakan satu dokumen yang dikeluarkan oleh pejabat tanah kepada seseorang bagi memberi hak milik ke atas pemilikan tersebut dari segi undang-undang.

Segala persoalan berhubung hak milik atau pemilikan seperti hak milik kekal, pajakan, induk dan hak milik strata akan dijawab dan diberikan penerangan dalam bab ini.

Antara persoalan pengurusan harta adalah pembahagian harta pusaka setelah kematian pemilik. Harta pusaka merupakan harta peninggalan si mati yang mengandungi harta alih dan tak alih seperti wang tunai, syer, caruman KWSP, rumah, kereta dan pelbagai lagi. Segala persoalan berkenaan pengurusan harta pusaka seperti permohonan surat kuasa pentadbir, proses yang perlu dilakukan oleh waris dan dokumen yang diperlukan dalam membuat tuntutan ke atas harta pusaka tersebut dijawab dalam Bab 5.


Selaku pengulas, saya berpendapat bahawa buku ini perlu dimiliki dan dibaca oleh semua pembeli hartanah bagi menambahkan lagi pemahaman mereka terhadap setiap proses urus niaga pembelian hartanah. Kesemua maklumat dan ilmu yang terkandung dalam 15 bab ini penting bagi mengelakkan penipuan sewaktu urus niaga pembelian dan pemilikan hartanah seperti yang sering didengari.

Reka letak setiap maklumat dan kandungan dalam buku ini menarik sesiapa sahaja untuk terus menatapnya. Pendekatan yang mudah difahami, ringkas, halaman yang berwarna dan penggunaan grafik, serta definisi yang diberikan bagi setiap *terms* dan contoh pengiraan, dokumen seperti Hakmilik Induk (*Master Title*) turut terkandung dalam buku ini banyak membantu pembaca untuk lebih memahami setiap bab yang dibicarakan. Buku ini memang sesuai menjadi salah satu koleksi bacaan bermanfaat kepada semua pembaca terutamanya mereka yang sedang merancang atau yang telah memiliki hartanah.

Pengulas

Hasnan binti Mamat @ Ahmad Shazili
Penolong Pengarah
Bahagian Pembinaan Koleksi
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



AHMAD ISA
Ustazah Basikal : Yakin Kerana Dia
Kuala Lumpur: KMH Artventure, 2020.
ISBN 9789671532812

ULASAN

Buku ini mengandungi lapan bab yang secara khususnya menceritakan pengalaman luar biasa sepasang suami isteri iaitu Ahmad Isa serta isterinya Noradilah Mohd Sapie yang mengembara ke bumi Makkah dengan menaiki basikal merentas 13 buah negara. Buku ini adalah sambungan dari buku siri pertama tulisan mereka yang bertajuk *Ustazah Basikal : Nekad Ke Makkah* yang diterbitkan pada 2019. Namun saya lebih tertarik untuk mengulas buku mereka yang kedua. Selain dari catatan perjalanan yang menakjubkan, buku ini juga turut dihiasi kata-kata hikmah yang bersesuaian dengan pengalaman yang mereka tempuhi selama lebih setahun. Pelbagai kisah suka duka dan pahit manis dirakamkan untuk tatapan pembaca dengan persembahan yang menarik.

Dalam bab pertama, penulis menceritakan pengalaman mereka di negara China. Penceritaan mereka dalam setiap bab dipecah kepada beberapa tajuk kecil yang lain seperti “tragedi berdarah”, “Kashgar”, “Unta Misteri” dan beberapa tajuk kecil yang lain. Di negara ini mereka sempat menceritakan tentang sejarah tokoh-tokoh Islam di China. Isteri penulis juga merakamkan pengalamannya menaiki unta yang besar saiznya.

Kyrgyzstan negara seterusnya dirakamkan oleh penulis. 11 tajuk kecil yang menarik memastikan anda terpaksa membaca ayat demi ayat dan disulam dengan gambar berwarna. Antara tajuk-tajuk istimewa dalam bab ini ialah “lubang misteri”, “cekodok pisang masam”, “99 masjid” dan lain-lain.

Bab ketiga pula penulis membawa pembaca merasai pengalaman mereka meredah negara Kazakhstan. Dipecahkan kepada 10 tajuk kecil yang tak kurang menariknya. Penulis juga berkongsi pengalaman mengayuh basikal meredah salji yang sejuk menusuk hingga ke tulang hitam. Uzbekistan merupakan destinasi seterusnya pasangan ini. Bab ke empat ini dipecahkan kepada 10 tajuk kecil.

Bab kelima pula menceritakan sekitar pengembaraan mereka ke negara Afghanistan yang dirangkumkan dalam 12 pecahan tajuk kecil. Bab ini bakal membuatkan debaran jantung pembaca berdegup dengan lebih laju apabila melibatkan pengalaman penulis berhadapan situasi getir melibatkan askar dan pejuang Taliban.

Iran merupakan destinasi seterusnya bagi pasangan ini. 14 tajuk kecil telah diceritakan dalam bab ini yang pastinya sangat menarik dan memberi pengetahuan baharu kepada pembaca. Di negara ini mereka teruja dapat menginap di hotel lima bintang secara percuma setelah ditawarkan menjadi wakil Malaysia menyertai “*The 8th Asian Conference on Safety Community*” dan jemputan makan malam bersama Datuk Bandar.

UAE merupakan destinasi kedua terakhir sebelum pasangan ini menjejakkan kaki ke bumi Makkah. Di sini penulis ada menceritakan mengenai pemakaian warga UAE yang jauh tersasar dari apa yang ada di kepala mereka. Juga keterujaan mereka menikmati roti Gardenia dari Malaysia.

Bab yang kelapan, merupakan titik akhir pengembaraan mereka iaitu bumi Makkah. Terbahagi kepada tujuh tajuk kecil yang lainnya, pasti hati kita sebagai pembaca Muslim akan tersentuh membaca pengalaman mereka setelah berjaya menjejakkan kaki ke Tanah Suci Makkah dalam bulan Ramadan.

Saya tertarik untuk mengulas buku ini bila kenalan rapat saya membacanya secara santai di tepi tasik. Semangat kembara yang memang ada dalam jiwa saya meronta-ronta untuk membaca buku ini. Akhirnya, buku idaman saya ini telah dibeli dan mula membacanya secara santai. Walau bagaimanapun, dari segi fizikal buku ini sangat berat untuk dibawa ke mana-mana memandangkan ketebalan dan juga jenis kertas licin yang penuh dengan gambar-gambar. Gaya bahasa yang santai dan bersahaja juga membuatkan pembaca tidak bosan menghabiskan 1,018 muka surat buku ini.

Pengulas

Ima Eryanty binti Abdul Manaf
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



BADLI SHAH ALAUDDIN
Motivasi Pagi : Segelas Air Segenggam Kopi
Kuala Lumpur: Galeri Ilmu Sdn, Bhd., 2017.
ISBN 9789830976464

ULASAN

Buku motivasi ini merupakan adunan antara kisah-kisah dongeng atau cerita-cerita rakyat yang memaparkan kisah hidup insan istimewa di mata penulis. Turut digarap dan dikongsi adalah kisah dongeng yang tidak masuk akal yang pada pendapatnya terdapat nilai-nilai murni dalam pengkisahannya. Buku buku yang berketebalan 140 muka surat ini mengandungi 21 bab dan dalam setiap bab mengandungi kisahnya yang tersendiri.

Dalam bab pertama, penulis berkongsi kepada para pembaca kunci kepada kejayaan. Proses ini disampaikan melalui sebuah kisah seorang kanak-kanak yang terlihat satu kepompong kupu-kupu. Menerusi bab ini, para pembaca akan menyedari bahawa kita bukan sahaja memerlukan usaha untuk berjaya, bahkan kesabaran juga penting. Oleh itu, jangan terburu-buru dan teruslah berusaha walaupun dengan langkah yang kecil. Pada akhir bab ini, penulis menyertakan sebuah sajak bagi menambat hati para pembaca untuk meneruskan pembacaan.

“Penghalang Utama Orang Berjaya” merupakan bab kedua yang menceritakan tentang perkara yang menjadi pembunuh utama semangat yang

membuatkan kita mudah berputus asa. Bab ini memberi pengajaran kepada pembaca supaya menerima rupa paras diri sendiri dan ikut kata hati diri sendiri tanpa mempedulikan andaian orang lain. Perasaan takut juga merupakan salah satu perkara yang cuba dinyatakan oleh penulis. Perasaan takut ini akan menghalang kita untuk mencuba perkara baharu dan mengubah pandangan kita kepada perubahan yang kita akan hadapi dalam kehidupan.

Menatang secawan susu yang penuh tanpa menumpahkannya sambil mengelilingi rumah yang cantik, tak berguna jika kita hanya memastikan secawan susu tersebut tidak tumpah tanpa menikmati pemandangan kawasan sekeliling rumah tersebut. Bab ketiga buku ini menghuraikan tentang betapa pentingnya kepada para pembaca untuk menyeimbangkan antara keluarga dan kerjaya. Walaupun individu tersebut menerima kata-kata semangat atau motivasi untuk bekerja tetapi kepedulian mereka terhadap keluarga juga perlu diseimbangkan setara dengan motivasi ketika bekerja. Hubungan kekeluargaan yang erat dan tekal akan menjamin keutuhan dan kerukunan institusi kekeluargaan. Bab ini mampu menarik minat para pembaca kerana kebanyakan individu memandang enteng terhadap sesuatu perkara yang menjadi langkah asas untuk menjadi orang yang berjaya.

Dalam bab tujuh penulis menyatakan kepada para pembaca supaya tidak ragu-ragu dengan kemampuan diri. Analogi detikan jam yang berdetik selama 31 juta kali dalam setahun, 86,400 kali sebulan dan 3,600 kali sehari memang kelihatan sebagai sebuah beban yang sangat berat, tetapi tanpa kita sedar jam yang berdetik sedetik dalam sesaat itu telah menjangkau angka-angka tersebut setahun tanpa berhenti. Moral kepada analogi tersebut ialah jangan kata tidak kepada sesuatu perkara kerana ia kelihatan seperti satu beban yang berat, jika individu tersebut yakin dengan diri sendiri, perkara tersebut bukanlah mustahil untuk dicapai. Kesimpulannya, bab ini dapat menambahkan keyakinan diri pada para pembaca.

Bab kesepuluh yang bertajuk “Fikir Positif” menceritakan tentang pentingnya fikiran yang positif dalam kehidupan seseorang. Fikiran negatif tidak


sepatutnya ada kerana itulah punca yang memberi impak negatif yang boleh menjatuhkan individu tersebut. Oleh itu, fikiran positif perlu ditanam dalam diri bukan sahaja terhadap diri sendiri malah terhadap orang lain juga. Pandangan kita pada seseorang juga perlulah positif kerana jika berfikir buruk terhadap orang, kita telah memandang rendah terhadap orang tersebut. Kesimpulannya, setiap individu perlu berfikir positif dan tidak perlu mendengar kata-kata orang lain yang menjatuhkan kita.

Selaku pengulas, saya sangat mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca dari semua peringkat umur malah boleh dikongsi bersama dan menjadi nasihat kepada yang lain. Cerita dan penerangan yang menarik disulami dengan kata-kata semangat memudahkan pembaca memahami motif yang ingin disampaikan oleh penulis. Kesimpulannya, buku ini sangat berguna dan penting untuk dibaca oleh semua individu yang inginkan kejayaan selain membantu menambahkan semangat dan motivasi diri.

Pengulas

Izlin binti Ahmad
Penolong Pengarah
Pusat Rujukan Malaysiana & Luar Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



ABDUL WALID ABU HASSAN
**Hak-Hak Wanita Menurut Undang-Undang
Keluarga Islam di Malaysia**
Selangor: Universiti Islam Malaysia, 2017.
ISBN 9789671330524

ULASAN

Buku ini ditulis oleh Abdul Walid Abu Hassan yang mana telah menjadi cita-citanya untuk menerbitkan buku sebagai usaha untuk memberikan maklumat kepada masyarakat dalam bidang undang-undang Islam terutamanya hak-hak wanita dan rasa tanggungjawab beliau untuk memberi kefahaman kepada masyarakat dengan lebih lanjut dalam perundangan syariah di negara kita. Beliau sedar akan kekurangan kefahaman masyarakat berhubung dengan hak-hak mereka dalam undang-undang dan syariah terutamanya hak-hak dalam Undang-undang Keluarga Islam dan hak berkaitan harta-harta dalam perkahwinan dan perkara yang berhubungannya.

Beliau memberikan dua sebab yang menjadi punca utama ketidakfahaman masyarakat terhadap perundangan syariah dan aspek-aspek yang berkaitan dengan sistem kehakiman syariah. Pertama, ialah kekurangan bahan bacaan yang boleh dijadikan rujukan berkaitan dengan perundangan diterbitkan. Kedua ialah kerana pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi oleh kelompok yang berkerja dalam aspek perundangan tidak diterbitkan untuk masyarakat umum.

Buku ini diterbitkan hasil gabungan beberapa kertas kerja yang telah beliau bentangkan dalam pelbagai seminar dan bengkel. Kompilasi kertas kerja yang beliau bukukan ini didasarkan tafsiran beberapa peruntukan undang-undang Islam yang digunakan kepada negeri-negeri diseluruh Malaysia seperti Undang-undang Keluarga Islam, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam, Undang-undang Tatacara Mal dan Undang-undang Keterangan, petikan kitab-kitab perundangan dan kehakiman syariah dan kes-kes yang telah dibicarakan. Dalam buku ini pengarang menerangkan hak-hak wanita secara keseluruhannya dalam sembilan bab.

Bab pertama ialah hak-hak wanita sebelum perkahwinan di mana ia sangat berkaitan dengan Undang-undang Keluarga Islam Malaysia. Bab ini menyentuh hak untuk berkahwin di bawah umur, hak untuk menyatakan persetujuan terhadap perkahwinan dan hak menggunakan wali Raja, hak perkahwinan seorang janda atau balu, hak tuntutan mungkir janji pertunangan, hak perempuan yang cukup umur, hak untuk tidak dipaksa berkahwin dan hak untuk mendapat perlindungan daripada akuan palsu perkahwinan.

Persoalan hak-hak wanita Islam semasa perkahwinan pula dibincangkan dalam bab dua yang meliputi hak kepada mas kahwin selepas akad nikah, hak memberi pendapat dalam permohonan poligami, hak menuntut harta sepencarian semasa permohonan poligami, hak untuk mendapatkan surat perakuan nikah, hak untuk mendaftarkan perkahwinan di luar negara, hak memelihara dan menyusukan kanak-kanak, hak mendapat harta pusaka, hak supaya suami kembali kepada isteri, hak mendapat keadilan kepada penganiayaan, hak dimaklumkan penceraian dan hak mendapat perintah tegahan.

Bab tiga membincangkan pula berkenaan hak-hak wanita Islam dalam mendapatkan pembubaran perkahwinan. Antara perkara yang boleh dilakukan oleh wanita untuk membubarkan perkahwinan adalah dengan menentukan hak pembubaran perkahwinan oleh sebab murtad, hak memohon perceraian biasa, hak memohon tebus talaq, hak memohon pengesahan cerai melalui lafaz taklik yang dibuat oleh suami, hak mendapatkan perceraian melalui hakam, hak

memohon fasakh nikah, hak perceraian melalui tuduhan li'an dan hak perceraian melalui anggapan mati suami yang hilang.

Para isteri yang telah diceraikan boleh meminta suami bersumpah jika pihak Mahkamah Syariah gagal mengesahkan lafaz perceraian yang telah dibuat di luar mahkamah iaitu hak mensabitkan talak dengan sumpah pula dinyatakan dalam bab empat.

Bab kelima pula membincangkan tentang nafkah kepada isteri atau ibu atau anak yang dalam peliharaan ibu. Mahkamah syariah akan memerintahkan kepada mana-mana orang yang dipertanggungjawabkan mengikut hukum syarak untuk membayar nafkah kepada seorang wanita yang telah berkahwin, bercerai atau kematian suami dan juga kepada anak-anak dan waris yang lain yang berhak.

Harta sepencarian: tuntutan semasa perkahwinan, selepas penceraian dan selepas kematian dengan perlu dipastikan pembahagiannya hendaklah dibuat dengan betul dengan mengambil kira takat sumbangan kedua-dua pihak suami atau isteri mengikut lunas syariah Islam bagi keadilan dan mengelakkan pertikaian antara kedua-dua pihak dinyatakan dalam bab keenam.

Bab ketujuh pula menerangkan arahan amalan mahkamah syariah: keberkesanannya dalam penyelesaian konflik keluarga Islam di Malaysia bagi melicinkan pentadbiran dan menyeragamkan peraturan-peraturan mahkamah syariah yang merangkumi punca kuasa Arahan Amalan, kaedah penguatkuasaan, peranan dan keberkesanan dalam menyelesaikan konflik keluarga.

Pemakaian ijtihad dan talfiq membantu menyelesaikan masalah kekeluargaan dibicarakan dalam bab kelapan. Peredaran masa dan perubahan tempat menyebabkan kewujudan permasalahan baharu yang belum pernah terjadi di zaman Nabi Muhammad SAW dan belum ada ketetapan hukum berkenaan dengan masalah tersebut. Ia merupakan cabaran yang terpaksa

dipikul oleh ulama pada masa sekarang dalam mencari jalan penyelesaian dan berusaha sedaya upaya untuk mengisbatkan hukum bagi menyelesaikan masalah yang timbul.

Bab terakhir pula menerangkan bagaimana tatacara untuk mendaftarkan sesuatu kes mal di mahkamah supaya keaburan proses tersebut dapat diperjelaskan dan hak-hak mereka dapat ditunaikan dengan sebaiknya melalui Tatacara Permohonan Mendaftarkan Kes Mal (Bukan Jenayah) dan Perjalanan Perbicaraan di Mahkamah Syariah

Selaku pengulas, saya amat mengesyorkan kepada masyarakat untuk membaca dan menelaah buku ini kerana maklumat yang terkandung di dalamnya berkisar kepada situasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat kita pada masa kini. Penerangan yang menarik dan penggunaan perkataan dan ayat yang mudah dapat menarik minat pembaca. Kesimpulannya, buku ini sangat berguna dan penting untuk dibaca bagi membantu masyarakat mengetahui akan hak mereka, tahu di mana hak tersebut boleh didapati dan bagaimana caranya untuk diperoleh seperti mana yang telah digariskan dalam undang-undang Islam.

Pengulas

Mastura binti Hussin
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



Setelah Ammar Tinggalkan Kita
Shah Alam, Selangor: Karya Bestari, 2017.
ISBN 9789678605434

ULASAN

Buku bertajuk “Setelah Ammar tinggalkan kita” hasil karya Grup Penjejak Tamadun Dunia (GPTD), setebal 289 muka surat yang penuh dengan warkah dan catatan nukilan seawal warkah satu hingga warkah dua puluh enam. Buku ini memberikan kita semangat dan gambaran menyeluruh mengenai seorang anak muda yang telah meninggalkan kita pada usia muda. Mati itu datang bukan kerana sebabnya sakit tetapi ia boleh datang menjemput kita dalam pelbagai cara tanpa mengira umur dan usia serta ketika di waktu kita belum bersedia. Setelah beberapa hari, minggu, bulan dan tahun kita reda akan pemergian almarhum Ahmad Ammar. Kini di mana-mana anak muda di seluruh dunia bercerita tentangnya. Semua itu berkisar mengenai kebaikannya, tanggungjawabnya, kekuatan ilmunya dan kebaikan peribadinya biarpun masih muda belia telah meninggalkan kita.

Bahasa yang digunakan penulis di dalam buku ini adalah berbentuk penceritaan, mudah dan sesuai untuk semua pembaca. Contohilah kebaikan-kebaikan yang ada dalam diri pemuda hebat ini. Teladani peribadinya yang santun, kuat dan hanya berpaksikan semata-mata kerana Allah Yang Maha Kuasa dan Nabi Muhammad SAW yang dikasihi. Sejak 2 November 2013

bersamaan 1 Muharam 1435 H, perkuburan Eyyub Sultan di Turki menjadi lokasi utama kunjungan rakyat Malaysia terutamanya dan dari negara lain juga. Mereka ingin menziarahi makam anak muda yang telah pergi sebelum sempat cita-citanya tercapai. Jika benar pemergian Ammar suatu permulaan perjuangan yang panjang, berikan rohnya sebuah keabadian yang hakiki. Tanamkan dalam dada pembaca benih jiwanya yang tidak layu, malah sentiasa mekar tawaduk selamanya.

Buku ini menjadi inspirasi kepada pembaca agar meneruskan impian dan cita-cita Ammar yang tertangguh dan merealisasikannya. Pemergian Ammar menjadi sumber inspirasi kepada pembaca agar mencontohi semangat dan perjuangan arwah. Menghayati setiap butir kata dan kisah yang dikongsikan di dalam buku ini banyak memberi kesan kepada pembaca. Kisah Ammar membawa 'magis' hebat yang telah mengubah kehidupan ramai pembaca seperti diceritakan dalam muka surat 275 nukilan Nuramirah Shahrin.

Pada pendapat pengulas, antara isi yang dapat menarik pembaca adalah rentetan kisah akhlak arwah yang disampaikan oleh selebriti nasyid tanahair saudara Ahmad Fadzli Aziz (UNIC) iaitu kisah peribadi arwah yang perlu ditekankan dalam kehidupan remaja terutamanya sikap dahagakan ilmu dimiliki oleh arwah. Setelah selesai mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), arwah terus menyambung pengajian di Universiti Marmara, Turki dalam bidang sejarah. Bidang itu jarang diambil oleh kebanyakan pelajar di Malaysia, apatah lagi bidang sejarah Turki yang diambil oleh arwah dalam bahasa Turki. Namun Amad Ammar berjaya menghabiskan pembelajaran kitab Risalah an-Nur. Justeru arwah telah dilantik sebagai pendidik pada usia 20 tahun sebagai pengajar kitab tersebut di Turki. Pencapaian itu merupakan suatu kebanggaan dan perlu dijadikan contoh kepada diri kita terutama para remaja.

Buku ini bukan merupakan buku biografi Ahmad Ammar. Walaupun buku ini menceritakan tentang kisah Ahmad Ammar sejak kecil sehingga beliau meninggalkan kita, ia tetap mengaitkan kesemua peristiwa dengan semangat perjuangan Ahmad Ammar sehinggalah beliau menuntut ilmu di Turki. Pengulas mengesyorkan kepada pembaca yang meminati aktiviti sukarelawan, kerja-kerja

amal dan aktiviti sosial yang sering membantu masyarakat yang tidak bernasib baik untuk membaca buku ini. Tambahan pula, buku ini sesuai dibaca oleh semua peringkat umur kerana cara penyampaiannya yang bersahaja dan diceritakan menggunakan kaedah novel. Ahmad Ammar walaupun dia hanya 'hilang' dari pandangan kita semua, namun semangat dan perjuangannya dalam menuntut ilmu pengetahuan tetap mekar dan hidup di dada kita semua.

Pengulas merasakan naskah ini sesuai untuk pembaca yang sedang menelusuri lorong cahaya dan penghijrahan dalam kehidupan yang sementara serta mendambakan pengakhiran yang husnul khotimah. Hakikatnya pemergian Ahmad Ammar menjadi bayangan kepada mereka yang mahu berhijrah daripada seorang yang baik kepada menjadi yang luar biasa.

Pengulas


Mohd Hisham bin Daud

Penolong Pengarah

Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



KHAIRUL ABDULLAH
Diari Super Daddy
Batu Caves, Selangor: Komrad Buku., 2019.
ISBN 9789672062479

ULASAN

Setiap yang hidup pasti tidak akan terlepas dengan ujian, begitulah kisah yang dialami sendiri oleh penulis buku *Diari Super Daddy* ini. Buku ini mengisahkan pengalaman dan cabaran penulis sebagai seorang bapa tunggal dalam membesarkan tiga (3) orang anak lelaki setelah isteri tercinta kembali ke negeri abadi. Pengalaman ini dikongsikan dalam bentuk catatan-catatan ringkas namun padat dengan kisah dari babak perkenalan dengan isteri sehingga saat penulis bergelar bapa tunggal.

Permulaan kisah menceritakan pertemuan pertama penulis dengan isteri di Puduraya yang seterusnya mengambil keputusan untuk melangsungkan perkahwinan setelah enam (6) tahun perkenalan. Rumah tangga mereka pada mulanya berdepan ujian tiada rezeki zuriat dalam tempoh sembilan (9) tahun pertama perkahwinan. Namun berkat usaha dan kuasa yang Maha Esa, menjelang 10 tahun usia perkahwinan, penulis serta isteri dikurniakan cahaya mata lelaki yang pertama. Tahun berganti tahun, mereka dikurniakan dua (2) orang lagi cahaya mata. Berada di bumi Jerman ketika itu bersama isteri serta anak-anak membuatkan penulis terasa betapa bahagia dengan nikmat kehidupan.

Setiap catatan dalam buku ini diceritakan oleh penulis yang mampu membuatkan pembaca terikut dengan emosi suka dan sedih yang dihadapi oleh penulis terutamanya setelah isteri tercinta meninggalkan beliau serta anak-anak. Isteri yang pada mulanya sihat, aktif dan setia melayani keluarga ini telah pergi secara tiba-tiba dan tidak akan kembali lagi. Isteri penulis yang pada mulanya mengalami demam, namun semakin hari semakin lemah. Kisah sedih sarat dengan emosi bermula apabila isteri beliau dimasukkan ke hospital dan bertarung nyawa di unit rawatan rapi (ICU). Pada saat itu, penulis menggambarkan kesedihan apabila doktor memaklumkan isteri beliau mengalami kegagalan organ. Pada 1 Ogos 2018, jam 11.55 pagi merupakan detik terakhir penulis serta anak-anak menatap wajah isteri serta ibu tersayang.

Setelah detik sedih kehilangan isteri, penulis menceritakan bagaimana beliau bangkit menggalas tanggungjawab sebagai ibu dan ayah kepada tiga (3) orang cahaya mata. Menjadi bapa tunggal bukanlah satu pilihan, tapi umpama satu takdir yang penulis tidak pernah bayangkan. Dalam buku ini, pembaca dapat melihat kegigihan penulis untuk melaksanakan tugas yang sebelum ini dilaksanakan oleh isteri seperti memasak, membasuh baju dan menguruskan anak-anak. Pada mulanya semua ini terlalu sukar dek kerana beliau cuba untuk mengikut standard yang telah ditetapkan isterinya. Dalam pada masa yang sama beliau harus kuat dari segi mental mahupun emosi demi anak-anak yang masih dahagakan kasih sayang seorang ibu. Kadangkala air mata tidak dapat ditahan saat melihat anak-anak yang masih kecil tidur tanpa belaian seorang ibu.

Dalam buku ini, pembaca dapat melihat bagaimana penulis berkongsi rutin harian beliau sebagai seorang bapa tunggal. Pada peringkat awal, penulis agak kekok dengan rutin baharu namun kerana semangat ingin berdikari membuatkan beliau belajar serta mendapatkan tips bagi memudahkan urusan mengurus anak serta rumah. Menjadi bapa tunggal secara tidak langsung membuatkan penulis sedar betapa sukar menjadi seorang suri rumah dan menyarankan para suami untuk menghargai isteri.

Pembaca boleh mendapatkan serba sedikit tip menguruskan rumah serta anak yang turut diselitkan dalam buku ini. Antaranya ialah mengurus emosi anak


tatkala mereka masih kecil terutamanya anak yang masih dalam kesedihan kerana kehilangan tempat bermanja. Dalam buku ini, pembaca dapat melihat bagaimana penulis memujuk anak-anak yang kadangkala merajuk dan terlalu rindu pada ibu mereka. Selain daripada itu, penulis tidak lokek untuk berkongsi tip hidup berpasangan seperti di mana para suami disaran supaya menjadi suami yang lebih menghargai dan menyayangi isteri. Bukan sahaja tip mengurus rumah tangga, penulis turut berkongsi resipi dalam buku ini sebagai bonus untuk para pembaca.

Secara keseluruhan, buku ini amat menarik untuk dibaca oleh pembaca daripada pelbagai peringkat umur. Catatan kisah hidup penulis sebagai *Super Daddy* kepada anak-anaknya ini boleh menjadi inspirasi kepada semua pembaca. Pada peringkat awal, pembaca terbawa-bawa dengan perasaan sedih seorang suami yang kehilangan isteri serta anak yang kehilangan tempat bermanja. Namun, penulis berjaya menyampaikan mesej bahawa setiap yang hidup perlu berjuang untuk terus hidup dan bangkit daripada kesedihan. Penceritaan penulis dengan gaya santai, diselang seli dengan dialog mampu membuatkan pembaca merasai emosi setiap penceritaan. Turut diselitkan gambar menarik untuk tatapan para pembaca. Kesimpulannya, buku ini amat menarik untuk dibaca kerana semangat dan motivasi yang boleh dijadikan teladan pada semua.

Pengulas

Nurul Hazwani binti Rosli
Penolong Pengarah
Bahagian Pembinaan Koleksi
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



HUZILI HUSIN

Terasa Tapi Tak Berbisa

Kangar, Perlis: Penerbit Universiti Malaysia Perlis,
2020.

ISBN 9789670922843

ULASAN

Buku ini merupakan koleksi penulisan Dr. Huzili Husin sepanjang tiga tahun beliau menjadi kolumnis akhbar Sinar Harian. Penulisan ini dihasilkan berdasarkan daripada pemerhatian, renung nilai, pembacaan, perkongsian daripada rakan-rakan, pengalaman bersama masyarakat dan yang paling utama ialah pengalaman peribadi yang diolah semula sebagai iktibar kepada pembaca. Penulis merupakan pakar dalam bidang psikologi dan kaunseling. Buku ini diberi tajuk 'Terasa Tapi Tak Berbisa' kerana hampir kebanyakan tulisan adalah berkaitan dengan diri kita yang perlu sentiasa kuat dalam menghadapi cabaran hidup. Namun, secara realitinya kita akan 'mudah terasa' dengan segala sindiran, penghinaan, kesedihan, kekecewaan dan penganiayaan. Hakikatnya, jika kita cekat dan kuat semua perkara tersebut tidak akan menjadi bisa kepada kita.

Bahasa yang digunakan oleh penulis amat mudah difahami dan jelas. Gaya penulisan yang santai dan merentasi semua lapisan masyarakat boleh menarik pembaca agar membaca sehingga ke akhir penulisan. Sebanyak lima puluh tiga artikel penulisan dalam buku ini menonjolkan nilai-nilai murni yang perlu diterapkan ke dalam masyarakat kita pada hari ini. Kesemua penulisan yang dihasilkan mengupas segala isu kehidupan dalam masyarakat serta memberi

penekanan kepada kesiapsiagaan minda dan emosi dalam meneruskan perjalanan hidup.

Sebagai manusia biasa yang ada perasaan dan harga diri sudah tentu kita tidak boleh mengelak untuk berasa sedih, kecil hati, kecewa, marah dan pelbagai perasaan negatif yang mula menjalar dalam diri. Perasaan sebegini juga boleh menyebabkan berlaku situasi yang lebih genting seperti dendam yang berpanjangan serta pergaduhan. Sebetulnya, bukan mudah untuk meramalkan sikap kita sendiri terhadap orang lain dan bagaimana pula sikap orang lain kepada kita. Namun begitu, kita boleh mengawal sikap kita kepada orang lain berbanding untuk mengawal sikap orang lain kepada kita. Kebiasaannya kita mudah terasa dengan sikap orang lain jika bercanggah dengan nilai dan prinsip kita. Namun, jarang sekali kita berasa orang lain boleh terasa dengan tingkah laku kita. Natiujahnya, kita hanya memberi fokus bagaimana orang lain perlu menjaga hati kita supaya tidak mudah terasa berbanding bagaimana untuk memperbetulkan diri kita agar orang lain tidak mudah terasa.

Kupasan juga dibuat mengenai kekuatan diri menerusi artikel 'Budi Ditabur Cercaan Dibalas' di mana pandangan pendita Za'Ba adalah bertepatan dengan hal ini. Kejahatan dan kebaikan yang kita lakukan adalah saling berkaitan dalam kehidupan ini. Setiap apa yang kita lakukan sama ada kebaikan atau kejahatan akan menjadi penimbang dan pengukur antara satu sama lain. Ini bermakna, sama ada kita suka atau tidak kejahatan tetap ada seiring dengan kebaikan yang dilakukan.

Penulis juga menyedarkan pembaca akan kepentingan muhasabah diri melalui artikel seperti 'Setiap Hari Adalah Anugerah, Kita Bukannya Kebal Sangat dan Bila Hidup Sudah Selesa'. Kita perlu sentiasa muhasabah diri agar kita akan cepat tenang apabila ditimpa ujian dan sifat bersyukur akan sentiasa membasahi hati dan bibir kita bagi mengelakkan kecewa dan putus asa. Penulis mendedahkan makna kebahagiaan yang sebenar kepada pembaca melalui beberapa artikel seperti 'Apa Itu Kebahagiaan yang Sebenarnya, Wahai Jiwa yang Tenang, dan Falsafah Hidup Perlu Disuburkan'. Kebanyakan individu hanya


mengukur kebahagiaan berdasarkan hasil yang dicapai setelah melalui proses kehidupan yang pelbagai. Ramai yang alpa untuk mencipta kebahagiaan sewaktu proses mencapai hasil tersebut. Penerapan nilai keagamaan juga turut ditekankan dalam mencipta kebahagiaan dan kehidupan yang baik.

Selaku pengulas, saya sangat mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca dari semua peringkat umur bagi menambahkan lagi pengetahuan berkaitan dengan isu-isu kontemporari. Mesej utama yang ingin disampaikan ialah mengajar kita cara berfikir dengan betul supaya emosi kita sentiasa tenang dan secara langsung dapat membantu kita membuat keputusan dan refleksi yang baik bagi mengawal diri dalam menghadapi ujian kehidupan. Perkongsian pengalaman penulis dan penerangan yang menarik berdasarkan pengalaman kisah-kisah benar, rujukan bahan-bahan ilmiah, pandangan daripada pakar-pakar psikologi serta panduan dari al-Qur'an dan hadis mampu menarik minat pembaca selain memberikan penjelasan yang mudah difahami oleh semua golongan masyarakat. Kesimpulannya, buku ini sangat berguna untuk dibaca oleh semua individu yang mementingkan kesihatan fizikal dan mental dalam menghadapi cabaran kehidupan dan sebagai pedoman membentuk terapi diri.

Pengulas

Rosliza binti Ismail
Penolong Pengarah
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



ASMA HARUN, DWI SUWIKNYO
Ya Allah, Bersama-Mu Aku Bahagia
Kuala Lumpur: PTS Publications, 2020.
ISBN: 9789674813789

ULASAN

Ya Allah, Bersama-Mu Aku Bahagia adalah buku ke empat dan yang terakhir daripada Siri Kembara Menuju Allah. Karya dari hati Ustazah Asma Harun seorang pendakwah terkenal di Malaysia dan Ustaz Dwi Suwiknyo dari Indonesia dikupas dengan santai namun berjaya tersemat dalam jiwa setiap pembaca. Mengandungi 14 bab menarik melalui persoalan yang sering dihadapi dan pada akhirnya penekanan jawapan menerbitkan rasa bahagia bersama-NYA, meningkatkan keyakinan hati pembaca akan erti nikmat sabar dan syukur.

Bermula Bab 1 hingga 8, penulis berkongsi bagaimana kita sebagai manusia dengan pelbagai sifat negatif seperti sering mempersoalkan, mencari perbezaan, mudah protes, iri hati, terburu-buru serta leka dengan pujian. Bab awal menghuraikan kembara “bahagia” itu bukanlah mudah tanpa meraih pertolongan dari-NYA. Bukan sahaja memberikan panduan berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah, penulis juga menyelitkan beberapa senarai soalan (*checklist*) bagi memberi peluang pembaca melakukan “audit diri”.

Seterusnya pada Bab 9 hingga 14, penulis menghuraikan bagaimana Allah maha mendengar kepada setiap persoalan daripada manusia. Kebergantungan

dan tawakal mewujudkan anugerah yang tidak terhitung tepat pada masanya hasil dari sifat sabar dan sentiasa bersyukur. Setiap persoalan dari tajuk bab *Ya Allah, Hadiah-Mu Sungguh Mengejutkan, Anugerah-Mu Begitu Besar, Izinkan Aku Menjadi Kaya, Aku Ingin Jadi Orang Terkenal, Begitu Berharganya Waktuku, dan Aku Hamba-Mu yang Beruntung* dibangkit dan dikupas dengan cemerlang menggunakan gaya bahasa yang mudah untuk difahami oleh pembaca. Pembaca juga akan lebih tertarik dengan pelbagai tip yang diberikan seperti tip menyantuni orang tua, tip komunikasi dengan rakan sekerja berlainan jantina, tip elak nafsu marah dalam diri, tip menjadi terkenal di “langit”, dan tip berminda “Sakinah”.

Bagi menguatkan intipati karya, kedua-dua penulis yang juga motivator tidak ketinggalan menukilkan kata-kata perangsang inspirasi kehidupan insan hebat yang terdiri daripada ulama terkenal seperti Imam Ibnu Qayyim. Antaranya; “Jalan reda adalah jalan yang paling singkat dan paling dekat dengan Allah, tetapi ia adalah jalan yang sukar dan berat, namun tidak seberat jalan mujahadah (memerangi hawa nafsu)”, “Salah satu kesalahan yang menghalangi sebuah doa adalah jika seorang hamba tergesa-gesa, sehingga ketika doa tersebut belum dikabulkan sesuai perkiraannya sendiri, kemudian dia berprasangka buruk kepada Allah bahkan memilih meninggalkan ibadah berdoa itu”.

Buku ini juga mengandungi banyak kisah kehidupan manusia serta para sahabat nabi yang boleh dijadikan iktibar dan pedoman kepada pembaca. Kembara mencari kebahagiaan yang hakiki diselitkan beberapa contoh monolog hati serta dipenuhi dengan ayat dari pelbagai surah firman Allah SWT dan hadis Rasulullah SAW. Buku ini boleh menjadi asbab seseorang menyedari akan keangkuhan dirinya yang merasakan bahawa segala apa yang diperolehinya di dunia adalah semata-mata hasil kerja kerasnya lantas memandang rendah kepada orang lain kerana merasakan ilmu dimiliki sudah cukup tinggi.

“Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabar-lah yang dicukupkan pahala mereka tanpa batas” – Surah az-Zumar, Ayat 10.

"Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya" - Surah al-Baqarah, Ayat 286.

Kesimpulan daripada buku setebal 218 muka surat ini, ianya amat sesuai dibaca oleh sesiapa jua kerana persoalan yang ditimbulkan amat dekat dengan kehidupan seharian kita. Naskhah ini adalah halwa untuk hati agar kekal dengan sifat yang baik dan berusaha meninggalkan sifat yang tidak baik. Kupasan santai namun padat ilmu, diselang-seli pula dengan teguran lembut membolehkan pembaca terus bermuhasabah dan menilai diri sendiri dari setiap hal. Grafik berwarna warni buku ini juga amat menarik perhatian ditambah dengan pelbagai mutiara kata dikeluarkan dalam format reka bentuk yang boleh dijadikan poster dan sebagainya.

Pengulas


Zuliana binti Ab. Rashid

Penolong Pengarah

Bahagian Pengurusan Projek Digital

Perpustakaan Negara Malaysia

SINOPSIS BUKU




Sinopsis Sirah Nabi Muhammad SAW

Shah Alam, Selangor: Akademi Sinergi Ikhlas Sdn Bhd, 2020.
ISBN: 9789671416846

Buku ini adalah ringkasan dalam bentuk peta minda berdasarkan Fiqh as-Sirah an-Nabawiyah oleh Dr Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti. Ia adalah panduan ringkas untuk memahami serba sedikit latar belakang Nabi Muhammad SAW yang berjuang dalam hidupnya membawa cahaya ke tengah masyarakat sehingga dinikmati zaman ini. Apabila kita mendalami al-Quran, sudah tentu sirah Nabi menjadi amat penting untuk kita memahami istilah Makiyyah dan Madaniyyah. Kehidupan sebelum hijrah ke Madinah dikenali sebagai Makiyyah yang penuh dengan ujian getir. Kehidupan perjuangan ini diteruskan selepas Nabi berhijrah ke Madinah dan kembali semula ke kampung halaman. Perjalanan sekitar 23 tahun ini mampu melonjakkan semangat juang kita agar tidak berpeluk tubuh atau menjadikan agama sebagai rutin tanpa makna. Buku ini harus dimanfaatkan sebagai bacaan keluarga atau organisasi bagi mendekati susuk tubuh pejuang kebenaran Nabi Muhammad SAW.

SINOPSIS BUKU




MUKHLAS NUGRAHA
Fardu Ain dan Fardu Kifayah
Dalam Kurikulum Pendidikan
Islam

Selangor: Rihla Media, 2021.
ISBN: 9789672485049

Kurikulum merupakan antara faktor terpenting dalam mempengaruhi kualiti sesebuah pendidikan, kerana ia akan menentukan pencapaian sesuatu tujuan pendidikan. Karya ini cuba mengupas tentang kepentingan amalan ilmu fardu ain dan fardu kifayah dalam kurikulum pendidikan Islam. Ia mengemukakan makna dan cabang-cabang ilmu fardhu ain dan fardu kifayah yang merujuk kepada penjelasan daripada para ulama muktabar dahulu dan sarjana Islam semasa. Selanjutnya, konsep-konsep yang berkaitan dengan ilmu fardu ain dan fardu kifayah turut dibincangkan, antaranya keseimbangan tuntutan amalan ilmu fardu ain dan fardu kifayah, kriteria penilaian ilmu, hakikat dan matlamat hidup manusia serta sifat dinamik kedua-dua konsep ilmu tersebut.

SINOPSIS BUKU



DATO' USTAZ HJ. ISMAIL
KAMUS

**Mutiara Syifa' Darussalam :
Rawatan Penyakit &
Gangguan Jin : Kompilasi
Khazanah Ilmu**

Kuala Lumpur: Persatuan
Purubatan Islam Darussalam
Malaysia, 2021.
ISBN: 9789671434314

Buku ini menghimpunkan ilmu-ilmu perubatan Islam yang telah dicurahkan oleh Allahyarham Tuan Guru Dato' Ismail bin Kamus menerusi kuliah-kuliah perubatan Islam, sesi-soal jawab bersama Tuan Guru semasa hayatnya serta kupasan daripada buku-buku yang berkaitan dengan perubatan Islam. Barisan EXCO Persatuan Perubatan Islam Darussalam juga telah melakukan beberapa penambahan dalam bab-bab tertentu bagi menghasilkan penerbitan yang lebih komprehensif dan berkualiti bersandarkan al-Quran, as-Sunnah dan pandangan ulama-ulama muktabar. Buku ini bukan sahaja memberi pencerahan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan perubatan Islam, malahan ia turut dimuatkan dengan latar belakang makhluk jin, ciri-ciri perawat Islam, perbezaan antara perubatan patuh syariah dengan perubatan yang bercanggah dengan syariah serta topik-topik lain yang perlu dihadam oleh para perawat serta orang awam. Perkara-perkara yang berkaitan dengan gangguan makhluk halus serta perisai-perisai untuk menangkis tipu daya iblis dan kuncu-kuncunya turut sama diselitkan untuk memberi pengetahuan serta pendedahan kepada para pembaca.

SINOPSIS BUKU



DATO' SERI ABDUL HADI
AWANG

Pemetaan Baharu Dunia Islam
Kuala Lumpur: Pustaka Permata
Ummah Sdn. Bhd., 2021.
ISBN: 9789671911136

Buku ini menjelaskan berkenaan pemetaan baharu dunia Islam khususnya di Timur Tengah menerusi perancangan Barat yang bermula dengan Perjanjian Sykes-Picot pada tahun 1916. Kemudian diikuti usaha memecah belahkan dunia Islam melalui dasar pecah dan perintah bagi menjayakan agenda Israel Raya. Islam pernah membuktikan kemampuan untuk memimpin dunia dengan adil kepada semua. Islam telah menyebarkan mesej kesejahteraannya ke pelosok negara dengan tidak memaksa dan mengiktiraf masyarakat majmuk berbilang agama dan bangsa. Pasca Perang Dunia Pertama dan kejatuhan Kerajaan Turki Uthmaniyyah menyaksikan bagaimana kuasa-kuasa besar membahagi-bahagikan negara-negara umat Islam. Pelbagai strategi dan perancangan diatur oleh Barat termasuklah mencipta fobia terhadap Islam, memperkenalkan Orde Baru Dunia dan menaja pelbagai bentuk keganasan. Apa yang dilakukan hanyalah untuk menghalang kebangkitan Islam. Mudah-mudahan melalui pembacaan buku ini akan memberikan pendedahan dan membuka mata umat Islam dalam memahami percaturan musuh Islam, mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh dan berjuang menegakkan negara Islam yang berdaulat.

SINOPSIS BUKU



DATO' SERI ABDUL HADI
AWANG


Pesan-Pesan Ikhlas

Kuala Lumpur: Pustaka
Permata Ummah Sdn. Bhd.,
2021.

ISBN: 9789671911167

Buku ini merupakan siri terbaru 'Al-Bayanul Mubin Syarah Riyadhus Solihin' yang menghuraikan hadis-hadis 'Bab Ikhlas' daripada kitab 'Riyadhus Solihin'. Penulis menghuraikan hadis tersebut dalam Kuliah Dhuha beliau yang diadakan setiap pagi Jumaat di Masjid Rusila, Marang. Pemilihan kitab tersebut disebabkan kewibawaan ilmu al-Imam Yahya bin Sharaf al-Nawawi R.H. yang diterima oleh pelbagai mazhab aqidah, fiqh mahupun tasawuf. Menerusi karya kali ini, penulis menghidangkan pesanan Rasulullah SAW. tentang keutamaan sifat ikhlas bagi membentuk keperibadian mulia setiap Muslim. Pada masa yang sama, sifat ikhlas juga menjadi prasyarat penerimaan segala amalan soleh oleh Allah SWT. Mudah-mudahan, untaian nasihat dan ilmu yang divedok daripada kalam nabawi menjadi panduan buat semua lapisan pembaca agar lebih cinta dan kasih dengan Rasulullah SAW, sekali gus menjadi mukmin yang terbaik.


SINOPSIS BUKU



ROSSITA SHAPAWI
Akuakultur Kerapu Hibrid.
Kota Kinabalu, Sabah :
Penerbit Universiti Malaysia
Sabah, 2020.
ISBN: 978962166986

Kacukan atau penghibridan ikan telah lama dijalankan sejak dahulu lagi bagi bertujuan mendapatkan baka baharu yang lebih baik daripada baka induk. Secara biologi, penghibridan bermaksud mencantumkan dua baka berlainan untuk menghasilkan baka baharu. Buku ini memfokus kepada hibrid di antara kerapu harimau dan kerapu gergasi yang juga dikenali sebagai kerapu kertang berjaya dihasilkan buat pertama kalinya pada tahun 2006 di Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), Universiti Malaysia Sabah. Spesies ini menjadi salah satu pilihan utama penternak ikan marin di kebanyakan negara Asia Pasifik kerana kadar tumbesarnya yang tinggi dan mempunyai toleransi yang baik terhadap kemudahan penternakan akuakultur. Buku ini memberi pendedahan kepada objektif penghibridan ikan, kaedah penternakan, potensi, prospek, cabaran dan hala tuju penyelidikan ikan kerapu hibrid.

SINOPSIS BUKU



QURROTUL AIEN FATAH
YASIN

**Rahsia Wanita Syurga :
Untaian Mutiara Hadis
Rasulullah S.A.W.**

Batu Caves, Selangor: Cahaya
Training & Consultancy, 2021.
ISBN: 9789671511176

Syurga yang maha indah hanya akan didiami oleh mereka yang terpilih. Begitu juga dengan wanita, Allah dan Rasul-Nya telah menyampaikan khabar gembira bahawa mereka pasti mampu menikmati keindahan syurga dengan melaksanakan beberapa perkara. Rahsia Wanita Syurga ini menampilkan kupasan hadis-hadis berkaitan wanita dalam suatu bentuk penampilan moden yang disesuaikan dengan fenomena semasa. 10 hadis sahih yang diriwayatkan dalam Sahih Bukhari dan Sahih Muslim serta hadis lain sepertimana yang disepakati oleh para ulama hadis, manakala dalam menyatakan hujah dan dalil-dalil, ayat-ayat suci al-Quran, hadis yang bertaraf sahih dan hasan serta kalam ulama yang muktabar dipersembahkan dalam buku ini. Buku ini perlu diteliti oleh para wanita perindu syurga dan para lelaki yang mempunyai tanggungjawab atas wanita-wanita di sekitar mereka.

SINOPSIS BUKU




LIM SWEE TIN
**Sejambak Mengharum :
Himpunan Esei Sastera Lim
Swee Tin**

Kota Bharu, Kelantan:
Penerbit UMK, 2020.
ISBN: 9789672229834

Sejambak Mengharum merupakan himpunan atau kumpulan esei kesusasteraan yang memuatkan pandangan-pandangan terbaharu pengkaji atas perkembangan mutakhir alam peradaban bangsa. Himpunan esei sastera ini terbahagi kepada tiga (3) kelompok besar iaitu “Serambi Peradaban”, “Bakat dan Kreativiti”, dan “Jengah Serantau”, di mana perbincangan meliputi keperluan semasa iaitu mengarus perdanakan kesusasteraan ke tengah kepentingan nasional, peranan dan tanggungjawab penulis mengimpakkan hasil karya. Ia bertujuan menyemarakkan diskusi bagi mendapatkan gambaran lebih jelas tentang pelbagai aspek karya dan kepengarangan. Sorotan kepada perkembangan sastera Melayu moden di Thailand, Indonesia dan Singapura juga dibicarakan dalam naskhah ini. Sebanyak 16 tulisan ilmiah yang digayakan dengan penulisan santai, mesra pembaca, bermaklumat dan disesuaikan untuk bacaan umum serta menjadi wadah untuk dijadikan gambaran citra kesusasteraan dalam menyemarakkan peradaban bangsa.

SINOPSIS BUKU




AHMAD RASDAN ISMAIL
**Biomekanik Dalam Sukan
Bola Sepak**

Kota Bharu, Kelantan: Penerbit
UMK, 2020.
ISBN: 9789672229926

Permainan bola sepak merupakan sukan berpasukan melibatkan aktiviti tendangan bola sebagai asas permainan utama dalam usaha untuk menjaringkan gol. Ia merupakan sukan utama dunia yang sentiasa mendapat perhatian pelbagai lapisan masyarakat. Evolusi sukan ini merupakan hasil daripada pelbagai faktor seperti evolusi fizikal pemain, teknologi peralatan sukan dan peraturan permainan bola sepak itu sendiri. Untuk itu, analisis biomekanik telah membawa manfaat bagi dunia sukan bola sepak yang bukan hanya meningkatkan pengetahuan mengenai kinematik dan kinetik, tetapi juga prestasi atlet, terapi atau proses pemulihan yang membolehkan atlet kembali beraksi selepas pulih daripada kecederaan. Kajian pada masa lalu juga dibincangkan agar dapat memberi faedah kepada penyelidikan di dalam bidang sukan dengan menggabungkan sains dan kejuruteraan bagi meningkatkan prestasi pemain dan dijadikan rujukan kepada jurulatih.

SINOPSIS BUKU




NOOR HISHAM MD NAWI
**Sinergi Gagasan Integrasi &
Islamisasi Ilmu**

Kota Bharu, Kelantan: Penerbit
UMK, 2020.

ISBN: 9789672229933

Naskhah ini merupakan satu penulisan yang dibahagikan kepada empat (4) komponen besar iaitu cabaran pendidikan masa kini dan solusi; aplikasi gagasan integrasi dan islamisasi ilmu; implikasi gagasan integrasi dan islamisasi ilmu terhadap pendidikan; dan hubungan gagasan tersebut dengan kaedah penyelidikan. Ia adalah usaha untuk menggabungkan kekuatan konsep kesepaduan atau integrasi ilmu dengan gagasan besar islamisasi ilmu dengan cara yang harmoni. Agenda ini mengambil bidang pendidikan sebagai wadah untuk mengislah masyarakat yang masih terikat dengan gaya hidup sekular dan dualis kepada penghayatan Islam sebenar agar dapat melahirkan muslim yang bertakwa kepada Allah dengan mengemudi kehidupannya menurut panduan al-Quran dan sunnah. Setiap muslim bertanggungjawab untuk menyambut idea dan gagasan yang besar dengan memahami, melaksana, menghayati dan mengembangkannya mengikut kadar kemampuan yang optimum.


SINOPSIS BUKU



Antologi Artikel Teruskan Langkah : Dalam Normal Baharu (Sempena Perintah Kawalan Pergerakan)
Shah Alam, Selangor: Syahida Hassan Enterprise, 2021.
ISBN: 9789672378358

Kita masih “belum menang” dan langkah perlulah diteruskan dalam musim-musim wabak pandemik COVID-19. Selepas menghimpunkan kenangan Perintah Kawalan Pergerakan Pertama (PKP 1.0) dalam *Sinar Selepas Hujan*, usaha yang sama diteruskan lagi dalam *Teruskan Langkah* semasa PKP 2.0. Langkah kehidupan diteruskan semasa PKP 2.0 dan PKP 3.0 dengan cara baharu berlandaskan norma baharu dalam segala aspek kehidupan, termasuklah kesihatan, pendidikan, ekonomi dan sosial. Perkara yang sama juga diungkapkan oleh 15 orang penulis dalam *Antologi Artikel Teruskan Langkah : Dalam Normal Baharu*. Antologi ini merupakan siri kedua yang menjadi kesinambungan kepada *Sinar Selepas Hujan*. Melalui lima bab ini, dapat dilihat kandungan buku ini lengkap dalam menyentuh isu-isu penting dalam masyarakat yang berkait rapat dengan penularan COVID-19. Terdapat juga cadangan yang boleh diambil perhatian oleh pembaca. Input yang diberikan juga meliputi keperluan pelbagai golongan masyarakat. Oleh yang demikian buku ini amat sesuai dibaca oleh semua lapisan pembaca.

SINOPSIS BUKU




Shahrul N. R.
**10 Contoh Profil Syarikat :
Bagi Memulakan Perniagaan
Baharu**

Ampang, Selangor: Tiga Ros
Trading Sdn Bhd, 2021.
ISBN: 9789670951454

Kita biasa mendengar profil sesebuah syarikat. Profil syarikat begitu sinonim sebagai representasi sebuah syarikat dan merupakan perkara yang perlu ada dan menjadi keperluan dalam mencapai hala tuju syarikat. Secara am profil syarikat boleh diibaratkan sebagai sebuah platform dan medium dalam memperkenalkan kewujudan dan kekuatan sesebuah syarikat. Namun begitu tidak banyak syarikat pada hari ini yang menyediakan profil syarikat dan menganggap perkara ini sebagai bebanan. Oleh yang demikian, buku ini ditulis bagi menyediakan panduan dalam menyediakan profil syarikat dan kepentingannya. Penyediaan sesebuah profil syarikat bertujuan supaya apabila pelanggan sasaran anda dapat mengenali syarikat anda, pelanggan tersebut pula akan menyerahkan dokumen tersebut kepada pelanggan-pelanggan yang lain yang berada di luar skop pelanggan sasaran anda. Bukankah ia boleh membantu pemasaran syarikat berkenaan. Kesemua contoh yang terdapat dalam buku ini hanyalah sebagai panduan untuk pembaca. Semoga panduan penyediaan profil syarikat ini mampu menjadi pencetus idea dan menaikkan semangat para pembaca untuk membangunkan syarikat sendiri. Anggaphlah dokumen yang anda sediakan sebagai senjata utama untuk melangkah jauh dalam memajukan perniagaan yang diusahakan.


SINOPSIS BUKU



AFAREEZ ABD. RAZAK AL-
HAFIZ
**Surah Rom : Asal Usul Nama
Empayar**
Kuala Lumpur: Penerbitan
Cengkerik, 2021.
ISBN: 9789671916407

Rom merupakan kuasa besar lampau dengan ketamadunan yang terbangun. Empayarnya berlanjutan selama beberapa abad sehingga Nabi Muhammad berkesempatan melihat kegemilangan dan kejatuhan empayar ini pada zamannya. Surah ar-Rum ini diabadikan di dalam al-Quran sebagai motivasi kepada Rasulullah SAW yang Berjaya memerangi bangsa Romawi. Empayar ini pernah memerangi orang Islam pada satu-satu masa dan melindunginya pula pada masa yang lain. Ia mempunyai pensejarahan dengan kisahnya sendiri. Ia juga meninggalkan pengaruh seni bina, keagamaan, sastera, budaya, sukan pertarungan dan teknologi. Menjejaki peninggalan sejarah empayar ini dapat membangunkan kefahaman sosio-sejarah sambil mengamati ayat al-Quran mengenainya. Kawasan jajahannya luas, sejarahnya panjang dan kesan peninggalannya sangat menakjubkan. Coretan buku ini hanya secebis pengenalan mengenai empayar Rom yang diiringi lebih 400 keping gambar berkaitan. Hampir kesemua gambar tersebut diambil oleh sendiri penulis manakala bakinya disumbangkan rakan penulis.

SINOPSIS BUKU



SYED ISMAIL SYED MUSTAPA
Murid dan Pembelajaran
Balakong, Selangor: Pustaka
Nadwa Sdn. Bhd., 2021.
ISBN: 9789672317616

Murid dan Pembelajaran merupakan salah satu kursus teras yang ditawarkan di Institut Pengajian Guru Malaysia (IPGM). Buku rujukan ini secara umumnya boleh digunakan sebagai rujukan kepada pensyarah, guru dalam perkhidmatan, semua mahasiswa yang mengikuti pengajian dalam bidang pendidikan sama ada di institusi awam mahupun institusi swasta dan juga kepada mereka yang berminat dalam bidang perguruan. Walaupun tujuan utama penerbitan buku ini adalah untuk kegunaan pelajar IPG, namun perbincangan dan kupasan yang dibuat turut menyumbang ke arah memperkasakan guru-guru di sekolah. Malah, mahasiswa pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) juga dapat menggunakan buku ini sebagai bahan rujukan tambahan. Buku ini mengandungi Konsep Pengajaran dan Pembelajaran, Proses Pembelajaran, Teori-Teori Pembelajaran, Model-model Pengajaran, Pendekatan, Strategi dan Kaedah Pengajaran. Buku ini juga mengetengahkan Aspek Perbezaan Individu yang mempengaruhi proses pembelajaran, Teori-teori Kecerdasan, Gaya Kognitif dan Gaya Pembelajaran yang boleh diaplikasikan oleh guru ketika menguruskan aspek perbezaan individu dalam kalangan murid.


SINOPSIS BUKU



**SYED ISMAIL SYED
MUSTAPA, CHIN MEI KEONG,
AHMAD SUBKI MISKON**
**Pengurusan Bilik Darjah dan
Tingkah Laku**
Balakong, Selangor: Pustaka
Nadwa Sdn. Bhd., 2021.
ISBN: 9789672317654

Pengurusan Bilik darjah dan Tingkah laku merupakan salah satu kursus teras yang ditawarkan di Institut Pengajian Guru (IPGM). Buku rujukan ini secara umumnya boleh digunakan sebagai rujukan kepada pensyarah, guru dalam perkhidmatan, semua mahasiswa yang mengikuti pengajian dalam bidang pendidikan sama ada di institusi awam mahupun institusi swasta juga kepada mereka yang berminat dalam bidang perguruan. Guru mempunyai peranan yang besar dalam bilik darjah. Guru perlu merancang untuk membina hubungan yang positif antara guru dan murid. Bab-bab yang terkandung di dalam buku ini adalah Peranan Guru, Strategi Membina Hubungan Positif antara Guru dan Murid, Model-model Pengurusan Bilik Darjah dan Pengurusan Bilik Darjah Inklusif yang Melibatkan Murid Berkeperluan Khas. Di samping itu, dilampirkan juga Pengurusan Tingkah laku Bermasalah dalam Bilik Darjah, Intervensi Menangani Tingkah Laku Bermasalah dan Pelan Pengurusan Bilik Darjah. Buku ini merupakan satu rujukan yang penting bagi membina hubungan harmoni antara guru dan murid serta mewujudkan suasana kondusif dalam bilik darjah.

SINOPSIS BUKU




AMINHAD

Rahsia Penyapu Lidi
Kuala Lumpur: MZ Edu
Publications, 2021.
ISBN: 9789670911564

Kumpulan cerpen kanak-kanak oleh Aminhad ini memaparkan pelbagai kisah yang menarik dan seronok untuk dibaca oleh golongan tersebut seawal peringkat sekolah rendah. Penulis telah berjaya menjalin peristiwa melalui watak pelbagai bangsa dan kaum serta latar belakang masyarakat sehingga menampilkan suku kaum Iban, Sarawak termasuk warga asing yang berhijrah dan diterima sebagai penduduk negara kita. Pelbagai peristiwa yang menyentuh perasaan digubah berkaitan hubungan kekeluargaan yang erat, erti persahabatan sejati, mengekalkan sikap bekerjasama dan berkasih sayang, memelihara keindahan, menyayangi haiwan peliharaan dan kebersihan alam sekitar, kemakmuran tanah air dan juga impian pada masa depan untuk menjadi seorang saintis muda. Para pembaca pastinya tidak akan berhenti membaca sehingga pada noktah yang terakhir untuk mengetahui kandungan cerpen-cerpen yang terdapat dalam buku ini.


SINOPSIS BUKU



KHAIRUDDIN AYIP
**Sehingga Titisan Darah
Terakhir**
Kapar, Selangor: MZ Edu
Publications, 2021.
ISBN: 9789670911601

Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka tergugat apabila wujudnya sikap tamak, rasuah dan dendam daripada kalangan pembesar negeri. Gara-gara fitnah yang dilakukan oleh Raja Mendaliar, Nina Sura Dewana dan Kitul, keluarga Datuk Bendahara dijatuhi hukuman bunuh oleh Sultan Mahmud Syah. Walaupun Tun Fatimah membenci tindakan baginda yang menjatuhkan hukuman mati terhadap suaminya Tun Ali, demi keutuhan dan keamanan Melaka, dia akur untuk mempersuamikan Sultan Mahmud Syah. Angkatan tentera Portugis pula berterusan mengepung bumi Melaka. Tun Fatimah tidak mengizinkan bumi Melaka dikuasai penjajah. Walaupun seorang permaisuri dan ibu kepada empat orang anak, semangat bagi mempertahankan bumi Melaka terus meluap-luap dalam dirinya. Anak muda yang bersemangat dikumpulkan untuk memperkukuhkan pertahanan dari ancaman musuh. Novel *Sehingga Titisan Darah Terakhir* yang berunsur patriotisme dan sarat dengan nilai-nilai murni ini akan memberikan jawapan. Karya Khairuddin Ayip ini wajib dibaca untuk mengetahui sejarah perjuangan anak watan menentang pencerobohan angkatan tentera Portugis yang cuba untuk menggugat Kesultanan Melayu Melaka.


SINOPSIS BUKU



COYLE, STEVEN F.
Good Boss, Better Boss
Puchong, Selangor:
ServiceWinners International
Sdn. Bhd., 2021.
ISBN: 9789834928261

As a supervisor, we often needed quick practical ideas from others in the field of supervision. Sometimes you turned to books, but most were written by academics and consultants who did little if any supervising or leading teams. This practical book is geared for people who lead and supervise others on a daily basis. The author shares many easy-to-remember, time saving models that you can use while putting your day-today supervisory fires. This book focuses on the most difficult parts of your job; communicating and managing people. It also covers how to succeed in your organization by moving yourself upwards and onwards. You will gain new techniques on successfully dealing with your peers, boss, senior management, suppliers, customers and even competitors to increase your organizational value. *Good Boss, Better Boss* shares practical models, examples and tips to help you and your team succeed in the post-COVID era. Key areas include hiring and retaining your top performers, dealing with poor performance, coaching your people to repeated excellence and leading remote teams with their unique challenges.

SINOPSIS BUKU



MOHD. SANUSI
SASEETHARAN ABDULLAH
**Pengalaman Penghijrahan
Akidah**

Paka, Terengganu: Mohd Sanusi
Saseetharan Abdullah, 2021.
ISBN: 9789671960608

Perjalanan kehidupan seseorang adalah sesuatu yang berbeza di antara setiap individu. Pengalaman di dalam perjalanan ini melibatkan pelbagai aspek kehidupan seperti pendidikan, kerjaya, sosial, agama, politik dan sebagainya. Penghijrahan akidah adalah perjalanan penulis di dalam mengharungi kehidupan sebagai seorang yang mencari tuhan yang sebenar. Perjalanan ini bermula dari zaman penulis masih remaja sehinggalah dewasa. Dari mengamalkan dan menganuti agama Hindu dan mengenali kehidupan bersama yang beragama Kristian dan Buddha, akhirnya beliau telah menganut agama Islam pada tahun 1981. Kehidupan sebagai seorang Islam, bukanlah suatu label untuk dikenali sebagai muslim, tetapi ianya lebih kepada penghayatan, komitmen dan istiqamah dalam mengamalkan ibadah seperti yang termaktub di dalam rukun Islam dan rukun iman. Kekuatan kehidupan sebagai seorang muslim memerlukan kita berjaya menghadapi segala cabaran yang boleh menggugat keimanan kita. Kunci kekuatan ini adalah dengan mengikuti majlis ilmu, usrah dan meningkatkan akidah dan ketakwaan kita kepada Allah SWT. Semoga kita semua berada di dalam pemeliharaan Ilahi dan diberi kekuatan mengharungi kehidupan sebagai seorang muslim.

SINOPSIS BUKU



KHAIRATUL AKMAR AB LATIF
Syarah Minhajul ' Abidin
Melayu : Cara Menghasilkan
Sifat Taqwa Iaitu Dengan
Menjaga Anggota Badan dan
Memperbaiki Sifat Hati Yang
Utama serta Ringkasan
Bicara Bagi 'Aqabah Al-
'Awa'iq. Buku Ketiga
Kota Bharu, Kelantan: Pustaka
Aman Press Sdn. Bhd., 2021.
ISBN: 9789838673433

Dalam buku ketiga bagi Siri Syarah Minhajul 'Abidin Melayu ini adalah merupakan sambungan daripada Siri yang kedua. Pada Siri ketiga ini penulis telah membicarakan secara khusus berkaitan dengan cara seseorang muslim menjaga sifat taqwa yang ada dalam dirinya iaitu dengan menjaga anggota badan yang utama seperti mata, telinga, lidah, hati dan perut kerana kesemua anggota ini adalah sumber untuk seseorang mendapat dosa dan pahala yang akhirnya memberi kesan yang besar terhadap kerosakan atau kesejahteraan hati. Dalam memperbaiki hati pula, Imam al-Ghazali menumpukan perbincangan empat sifat utama yang mengotorkan hati iaitu angan-angan yang panjang, hasad dengki dan takbur serta cara perawatannya yang dibincangkan secara jelas dan terperinci. Ia sangat berguna sebagai rujukan untuk orang Islam bagi memperbaiki amalan kita kepada Allah SWT.

SINOPSIS BUKU



QUE LYANA SHUHAIMI
Budi Masuk Hutan
Kuala Lumpur: Ana Muslim
Sdn. Bhd., 2020.
ISBN: 9789674493202

Siapa yang tidak kenal dengan Said Budi Hikayat bin Said Muhsin a.k.a Budi si Pembuli? Dialah murid lelaki yang paling pintar di dalam kelas. Tapi, Budi ini bukan setakat pintar di dalam kelas, malahan juga pintar dalam membuli orang. Tidak kira di dalam kelas, di bilik stor, taman sains sekolah, mahupun di kawasan kejiranan, ada sahaja rancangan Budi untuk membuli! Budi telah dipaksa pergi ke tempat yang paling tidak diingini oleh Budi pergi! Memang tidaklah Budi hendak masuk ke dalam hutan! Tapi Budi tidak risau sangat, apa sebabnya? Sebab Budi sudah menyediakan Plan A dan Plan B.


SINOPSIS BUKU



JM HARMUNY, SN
ROSNALIZAWATI, DR NUR
HANISAH, DR AINUL ARINA
**Buku Pink 2.0 : Lagi Cerita-
Cerita Ibu Mengandung**
Kuala Terengganu: Penerbitan
Kata-Pilar, 2019.
ISBN: 9789672014539

Kehamilan bukan semata-mata menjadi (bakal) ibu, bahkan ia hadir dengan pelbagai harapan, tugas dan tanggungjawab lain. Ia proses alami yang amat besar nilai manusiawinya. Lantaran itu, gelaran 'ibu' dan segala keistimewaannya hanya dikalungkan ke leher dan bahu seorang wanita. Perjalanan dari mula hamil, kelahiran, menyusui dan mendidik anak, sekalipun indah, tidak terlepas daripada ujian, dan komplikasi kadangkala mendorong para wanita terpilih ini ke sudut yang terdesak, sehingga ada pihak yang semberono mengambil kesempatan atas ruang ini. Di media sosial, terlalu banyak 'kumpulan' yang cuba memberi maklumat dan nasihat yang menyeleweng bahkan membahayakan, demi mengaut keuntungan. Lantaran itu naskhah ini lahir, demi memperbetul dan memahamkan masyarakat awam tentang buku *pink* dan hal-hal yang berkaitan dengannya. Ia merupakan rangkuman sejumlah pengalaman, cerita, dan catatan para petugas kesihatan menangani kehamilan dan kelahiran. Suspens, lucu, sedih, gembira, informatif. Ya, kehamilan tidak semestinya berwarna *pink*, bukan?


SINOPSIS BUKU



FATHI FATIM
Dia Kesayangan Jiwa
Kajang, Selangor: Anaasa
Publication, 2019.
ISBN: 9789670870762

Lantaran patah hati saat pinangannya ditolak Melina, Yusuf nekad untuk menyedarkan gadis itu semula bahawa dia adalah pilihan terbaik. Deena yang muncul saat dia perlukan bantuan membuka jalan untuk Yusuf merealisasikan rencananya itu. Yusuf berpendapat jika Deena dapat merasakan sesuatu, maksudnya dia masih pandai menjaga hati seorang wanita. Di pihak Deena pula, Yusuf mengingatkan dia kepada seseorang. Cinta pertama yang tidak terungkap gara-gara tiada keberanian. Dia mahu kenal Yusuf dengan lebih dekat, tanpa menaruh sebarang harapan untuk jatuh hati. Mereka perlu sama-sama profesional. Deena hanya membantu Yusuf, titik! Seminggu yang ada berkemungkinan merubah segalanya. Namun semuanya bukan mudah buat Yusuf dan Deena. Perbezaan usia selama lapan tahun mungkin bukan isu besar bagi mereka. Bagaimana pula jika kepercayaan salah seorang daripada mereka telah tergores? Namun Yusuf nekad, hatinya hanya untuk Deena seorang. Tidak kira ke mana Deena pergi, Yusuf pasti akan tetap mencari hingga ketemu, kerana jejaka itu cukup yakin pada hakikat; 'Andainya hati kita saling mencari, satu hari nanti pasti kau dan aku akan bertemu juga'.

SINOPSIS BUKU



MIZI WAHID

Call Upon Him : 21 Steps to Strengthen Our Trust in Allah

Seri Kembangan, Selangor:
Iman Publication Sdn. Bhd.,
2019.

ISBN: 9789832423751

We often find ourselves asking, " Why hasn't Allah SWT responded to my Du'a?" We're told to bear patience but slowly our hope diminishes with each passing day. Is there something wrong with the way we're making our Du'a? Call upon him discusses 21 practical steps on how we can nurture our relationship with Allah through our Du'a. It teaches us how to strengthen our trust when we are required to stay in faith throughout the long wait after the Du'a has been made. Written with the sole intention to inspire people to have unquestionable faith in Allah, Mizi Wahid shares his wisdom in understanding the real science of how prayer, our efforts and fate came together to determine our destiny in this life and the hereafter.

SINOPSIS BUKU



PAHROL MOHD. JUOI
**Merawat Cinta Dalam Rumah
Tangga**

Seri Kembangan, Selangor:
Iman Publication Sdn. Bhd.,
2019.

ISBN: 9789832423775

Akan ada ketika, kita terasa seperti tidak mengenali pasangan kita. Dia seperti menjadi orang yang berbeza, seakan-akan kita belum pernah mengenalinya walaupun telah berumah tangga setelah sekian lama. Apabila usia perkahwinan semakin bertambah, dirasakan tiada lagi kemanisan, kehangatan dan keharmonian seperti yang pernah dilalui sebelum itu. Segala-galanya menjadi semakin suram. Melalui buku ini, Ustaz Pahrol Mohamad Juoi membawa kita meniti makna dan definisi cinta yang sebenar seterusnya memberi nasihat bagaimana untuk merawat keretakan cinta dalam rumah tangga.

SINOPSIS BUKU




**Tiada yang Mustahil :
Kisah Kejayaan OKU,
Edisi 1**

Kuala Lumpur: Institut
Terjemahan & Buku
Malaysia Berhad, 2021.
ISBN: 9789674608668

Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) mampu berdikari dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. OKU juga mempunyai hak dan peluang yang saksama bagi penyertaan penuh dalam masyarakat dengan menghapus diskriminasi atas sebab ketidakupayaan mereka. Sungguhpun dibayangi andaian negatif pada awal kehidupan mereka, namun sokongan insan di sekeliling, latar belakang pendidikan dan komitmen diri telah memberi mereka perspektif yang unik terhadap kehidupan. Peranan penting yang dimainkan oleh pelbagai persatuan, agensi dan kementerian juga berjaya menonjolkan bakat OKU di dalam negara juga di peringkat antarabangsa. Justeru, buku ini memaparkan kisah kejayaan 28 (dua puluh lapan) OKU dalam pelbagai bidang yang terpilih dari seluruh negara. Buku ini bukan sahaja memberi inspirasi kepada golongan OKU sahaja bahkan kepada semua anggota masyarakat dan menunjukkan bahawa kekurangan bukanlah penghalang untuk mencipta kejayaan dan kegemilangan. Selain itu, buku ini bermatlamat untuk memberikan pengiktirafan khas kepada OKU yang berjasa kepada negara di samping untuk menghebahkan kisah kejayaan OKU (berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat) kepada khalayak umum.


SINOPSIS BUKU



ZAMRI MAHAMOD, ANITA
ABDUL RAHMAN
**Kesamarataan Akses
Pendidikan**
Bangi, Selangor: Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2020.
ISBN: 9789672510666

Buku ini membincangkan isu-isu terkini yang berlaku dalam sistem pendidikan kebangsaan. Walaupun isu pendidikan adalah untuk semua dan telah lama dibahaskan dalam konteks pendidikan di seluruh dunia, namun masih terdapat kelemahan dan kelompangan. Kesamarataan akses pendidikan adalah sangat penting dan ia dilihat daripada pelbagai perspektif. Antaranya adalah konsep kemenjadian pelajar yang ingin dicapai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menjelang 2025. Demikian juga konsep pendidikan dan perpaduan kaum, pendidikan dan perkauman, jantina dan jurang pendidikan, konsep Sekolah dalam Hospital, konsep Sekolah Harapan, pendidikan untuk pelajar gelandangan, pendidikan pelajar pintar berbakat, pendidikan pelajar berkeperluan khas dan pendidikan pelajar miskin bandar. Dibahaskan juga jurang pencapaian akademik antara pelajar bandar dan luar bandar. Pelbagai usaha dijalankan bagi meningkatkan lagi produktiviti murid luar bandar supaya mereka lebih bersemangat untuk mengikuti pembelajaran di sekolah. Hal ini adalah kerana semua murid merupakan aset negara tidak kira di mana mereka belajar. Semua pihak perlu mendapat pendidikan dan akses pendidikan yang sama rata.

SINOPSIS BUKU




Pembangunan Komuniti Bandar

Bangi, Selangor: Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2020.
ISBN: 9789672511038

Buku Pembangunan Komuniti Bandar ini merupakan inisiatif para penyelidik Pusat Pembangunan, Sosial & Persekitaran (SEEDS) Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM dalam menyahut seruan kerajaan mencapai objektif Dasar Komuniti Negara (DKN) Malaysia. Buku ini merupakan satu wacana dalam memartabatkan bidang penyelidikan sains sosial. Buku ini bertujuan membincangkan kedinamikan pembangunan komuniti bandar dalam mewujudkan cadangan kepelbagaian persekitaran yang berkualiti, memperkasa aktiviti komuniti melalui sistem pengurusan dan penyelenggaraan bersama serta menggalakkan penglibatan komuniti dalam perancangan pembangunan setempat. Hasil penyelidikan secara menyeluruh memaparkan kedinamikan pembangunan di peringkat mikro dan makro yang berteraskan kepada konsep pembangunan komuniti bandar melalui pengalaman proses pembangunan bandar yang sedang rancak berlaku. Pembangunan komuniti bagi mencapai kesejahteraan ekonomi dan sosial dibincangkan bermula daripada rumah melalui isu kesejahteraan kewangan keluarga, tempat tinggal dan perumahan seterusnya menjurus kepada landskap dan ekosistem bandar secara menyeluruh.

SINOPSIS BUKU




ROSILAH HASSAN, MOHD
ZAKI IBRAHIM, MOHD AZI
ABDULLAH

**Pemantauan Penggunaan
Kuasa Elektrik Berasaskan
Internet Benda**

Bangi, Selangor: Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2020
ISBN: 9789672511328

Buku ini membicarakan tentang permasalahan kepada pengkomputeran pada masa kini, iaitu keperluan terhadap penggunaan kuasa yang tinggi serta penggunaan ruang dan perkakasan yang agak besar. Satu teknologi yang bersaiz kecil dan hanya memerlukan kuasa yang rendah untuk beroperasi diperlukan bagi mengatasi masalah ini. Internet Benda merupakan salah satu daripada komponen penting dalam Revolusi Industri 4.0 (4IR). Ia melibatkan peranti, sistem dan perkhidmatan yang sentiasa berhubung antara satu sama lain. Ia merangkumi sistem pemprosesan data, hubungan komunikasi dan aplikasi dan aplikasi antara muka pengguna. Kajian dijalankan untuk mengkaji pelaksanaan mekanisma pemantauan penggunaan kuasa elektrik yang berasaskan Internet Benda di dalam persekitaran rangkaian UKM yang dikenali sebagai UKMNet. Satu tapak uji telah dibangunkan dengan menggunakan sebuah papan *Arduino Uno* sebagai perkakasan Internet Benda. Ia menggunakan pelayan dan pangkalan data yang tersedia di Pusat Teknologi Maklumat (PTM). Seterusnya prestasi capaian rangkaian perkakasan Internet Benda tersebut dianalisis dan direkodkan bagi menentukan kesesuaian penggunaannya di dalam rangkaian UKMNet.

SINOPSIS BUKU



NUR AFZA KARIM, DLL.
**Manual Teknologi
Pengeluaran Ubi Keledek
Lembayung**
Serdang, Selangor:
Institut Penyelidikan dan
Kemajuan Pertanian
Malaysia (MARDI), 2021.
ISBN: 9789679367133

Ubi keledek ungu kaya dengan khasiat pemakanan dan mendapat permintaan yang tinggi daripada pengguna rentetan trend masyarakat masa kini yang cenderung memilih produk makanan kesihatan. Pigmen antosianin pada ubi keledek ungu mempunyai fungsi bertindak sebagai antioksidan yang memberi manfaat kepada kesihatan. Hasil penyelidikan daripada pelbagai bidang disiplin dalam Projek Pembangunan Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020), MARDI telah berjaya membangunkan varieti Ubi keledek ungu superior yang diberi nama “Lembayung”. Ubi Keledek Lembayung ini mengandungi kandungan antosianin yang tinggi, 3.19-7.05 mg/g. Tanaman Ubi Keledek Lembayung didapati sesuai dituai dalam masa 91-105 hari selepas ditanam dengan purata hasil 25-30 t/ha. Berdasarkan hasil penyelidikan yang dilaksanakan, Ubi Keledek Lembayung sesuai untuk dimakan segar sama ada direbus, dikukus, digoreng atau dibakar. Ia sesuai diproses menjadi tepung dan dijadikan ramuan dalam produk kesihatan. Buku ini sesuai dijadikan rujukan kepada individu yang berminat mengusahakan penanaman Ubi Keledek Lembayung.